

Rosmah melawat mangsa banjir di Batu Pahat

BATU PAHAT 10 Nov. - Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor hari ini melawat mangsa banjir di pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan (SK) Agama Sri Aman, Kampung Bahru di kawasan Parlimen Sri Gading di sini.

Dalam kunjungan itu, beliau yang juga Pengerusi Badan Amal dan Kebajikan Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) turut menyampaikan sumbangan RM10,000 kepada Yang Dipertua Badan Amal Tenaga Isteri Wakil-wakil Rakyat Johor (Juita), Prof. Datin Paduka Dr. Jamilah Ariffin untuk diagih-agihkan kepada mangsa banjir di negeri ini.

Beliau yang menghabiskan masa kira-kira sejam di pusat pemindahan itu turut menyampaikan wang ihsan kepada 36 keluarga.

"Saya berdoa supaya banjir tidak

akan sampai ke tempat ini lagi dan juga tempat-tempat lain di Johor," katanya ringkas ketika ditemui pemberita di sini.

Dalam pada itu, beliau turut menasihatkan mangsa banjir tidak mudah terpengaruh dengan tindakan pihak tidak bertanggungjawab menabur janji palsu kerana tercabar dengan usaha kerajaan meringankan beban golongan yang terjejas akibat banjir.

Sementara itu, sehingga pukul 4 petang ini, keadaan banjir di negeri ini semakin pulih dengan jumlah mangsa menurun kepada 469 orang berbanding lebih 2,000 mangsa minggu lalu.

Daripada jumlah itu, sebanyak 100 mangsa daripada 36 keluarga ditempatkan di pusat pemindahan SK Agama Sri Aman.

Dalam pada itu, seorang suri rumah, **Suriani Parjan**, 45, melahirkan rasa terharu kerana dapat bertemu Rosmah buat pertama kali dan berterima kasih atas keprihatinan isteri Perdana Menteri itu menjenguk dan bertanya khabar mereka.

"Terubat sedikit hati ketika terpaksa menghadapi saat-saat sukar akibat banjir dan terima kasih atas sumbangan yang diberikan," katanya.

Seorang lagi mangsa, **Ajidah Hussin**, 45, pula berkata, dia tidak sabar pulang ke rumah setelah hampir seminggu berada di pusat pemindahan tersebut.

"Sebelum ini saya sudah membersihkan rumah tetapi air kembali naik. Apa pun, penduduk kampung rasa bertuah dapat berjumpa secara bersemuka dengan isteri Perdana Menteri," katanya.



ROSMAH Mansor memberi bungkusan hadiah kepada sekumpulan kanak-kanak semasa melawat mangsa banjir di Sekolah Agama Seri Aman dekat Sri Gading, Batu Pahat, Johor, semalam. Turut kelihatan (kiri). - MINGGUAN/ISHAK RAHMAD